

10/03/2001

Empat perkara utama isu dalaman Melayu

KUALA LUMPUR, Jumaat - Empat perkara utama yang hendak dibincangkan dalam pertemuan antara pemimpin Umno dan Pas dianggap sebagai masalah dalaman orang Melayu yang perlu diselesaikan di kalangan pemimpin kedua-dua parti berkenaan.

Tinjauan Berita Harian mendapati, orang ramai, khususnya di kalangan bukan Melayu menganggap soal perpaduan Melayu perlu diselesaikan oleh orang Melayu tanpa campur tangan kaum lain.

Seorang eksekutif jualan, Sharon Chong berpendapat, pihak tertentu yang sengaja mempersoal hak dan keistimewaan orang Melayu di negara ini hanya mencabar kedaulatan Perlembagaan.

Katanya, tindakan itu juga menunjukkan kumpulan terbabit tidak menghormati sensitiviti kaum di negara ini.

"Sepatutnya kumpulan yang mempertikaikan kandungan Perlembagaan mengkaji dan melihat semula sejarah kelahiran negara ini," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa pertemuan Umno-Pas adalah untuk membincangkan perkara membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan dan status raja-raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, perbincangan mengenai perkara itu perlu berikutan ada usaha kumpulan tertentu untuk mencabar dan mempersoalkan hak berkenaan.

Sementara itu, pembantu teknikal, Alistair Lok menganggap perbincangan yang dijangka diadakan antara Umno dan Pas mengenai isu terbabit adalah usaha positif membina semula perpaduan di kalangan orang Melayu.

Pembantu penerbitan, Eileen Wong pula berharap, perbincangan yang bakal diadakan antara kedua-dua parti Melayu itu sewajarnya tidak mengenyakan langsung kepentingan kaum lain.

Katanya, tanggungjawab warganegara ialah memelihara dan mengekalkan perpaduan antara kaum dengan menjadikan Perlembagaan sebagai asas untuk membina keamanan serta toleransi antara kaum.

(END)